



# ANALISIS HADIS DALAM KITAB HIDAYATUL MUTA'ALLIM KARYA SHEIKH AHMAD BIN YUSUF AL-FATONI

(An Analysis of Hadiths in *Hidayat al-Muta'allim* by Sheikh Ahmad bin Yusuf al-Fatani)

**Abdulloh Salaeh, Syed Najihuddin Syed Hassan, Nidzamuddin Zakaria, Amran Abdul Halim, Ahmad Kamel Mohamed**

*Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

## Abstract

This study examines the status of hadiths found in *Hidayat al-Muta'allim* by Sheikh Ahmad bin Yusuf al-Fatani, particularly within the context of Jawi manuscripts or kitab kuning authored by Malay scholars. The primary focus is to analyze hadiths considered to be fabricated (*mawdū'*) in this work through the process of *takhrij* and evaluation according to the principles of hadith science. The study adopts a content analysis approach, critically assessing both the chains of transmission (*isnād*) and the text (*matn*) of the hadiths. The findings reveal that there are 12 weak (*da'iif*) hadiths cited in *Hidayat al-Muta'allim*. Although weak hadiths may still be used in the context of virtuous deeds (*fadā'il al-a'māl*), their appearance in significant numbers within a single topic can elevate their collective status to *ḥasan* (acceptable). Therefore, it is essential for scholars compiling religious texts to refer to authenticated sources of hadith to ensure textual integrity and reliability.

**Keywords:** *Hadis Da'iif, Hidayatul Muta'allim, Sheikh Ahmad bin Yusuf al-Fatoni, takhrij hadis, kitab Jawi.*

## Article Progress

Received: 21 February 2025

Revised: 4 March 2025

Accepted: 30 April 2025

\*Corresponding Author:  
Syed Najihuddin Syed Hassan.

*Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, USIM.*

Email:  
[syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my)

## PENDAHULUAN

Pattani pada zaman dahulu dikenali sebagai pusat keilmuan yang subur, melahirkan ramai ulama yang menjadi rujukan utama dalam masyarakat<sup>1</sup>. Pada masa kini, penyebaran agama Islam di Patani terus berkembang pesat seiring dengan kemajuan dalam bidang pendidikan. Seperti yang dinyatakan oleh Abdulrasyid Hassan dalam artikelnya "... pendidikan Islam semakin subur dan aktif. Institusi Perguruan Tinggi Islam di Selatan Thailand dapat dibagi kepada dua jenis; ialah Institusi Perguruan Tinggi Islam Awam (IPTA) dan Institusi Perguruan Tinggi Islam Swasta (IPTS)<sup>2</sup>. Para ulama ini bukan sahaja berperanan sebagai sumber ilmu, malah mereka turut berfungsi sebagai pemimpin masyarakat dalam menyelesaikan permasalahan sosial serta memberikan bimbingan spiritual. Kedudukan mereka yang dekat dan rapat di sisi Allah SWT menjadikan setiap doa dan nasehat mereka dihormati dalam kalangan masyarakat. Hingga kini, tradisi keilmuan ini masih diteruskan oleh para ulama di Pattani melalui pelbagai medium, termasuk pengajaran dan penulisan kitab, bagi memastikan kesinambungan ilmu kepada generasi akan datang.

Dalam sejarah keilmuan Patani, terdapat tokoh ulama yang terkenal, antaranya al-Sheikh Faqih Ali al-Fatoni, yang diperintahkan oleh Raja Patani pada masa itu iaitu Sultan Muhammad 1 yang dikenali sebagai Sultan Muhammad Ibni Sultan Ja'far Mudzaffar Syah yang memerintah sekitar tahun 1838-1856 untuk menulis kitab Tarikh Fathani sebagai rujukan sejarah dan perkembangan Islam di wilayah

<sup>1</sup> Abdulloh Salaeh, Mohd Zohdi Mohd Amin dll. Method Pengajaran Tafsir: Kitab Hidayatul Muta'allim Bagi Syeikh Haji Ahmad Bin Haji Yusof Al-Fatoni, Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019) H.399.

<sup>2</sup> Abdulrasyid Bin Hassan, dll , 2017. Sejarah Dan Dakwah Institusi Pendidikan Tinggi Islam Awam (IPTA) Di Pattani Thailan Selatan, Jurnal Wardah, Bareskrim Mabes Polri, UIN Sunan Ampel Surabaya, H.152.

tersebut<sup>3</sup>. Pada masa kini, usaha penulisan kitab masih diteruskan oleh beberapa individu berautoriti dalam bidang ilmu, seperti Tuan Guru Haji Ismail yang telah menghasilkan karya penting seperti Syarah Hikam Ibnu Ata'illah dan Mauqifu al-Marjan, serta Haji Ahmad bin Haji Yusuf dengan karyanya yang berjudul *Hidayatul Muta'allim*.

## BIOGRAFI SYEIKH AHMAD BIN YUSUF KUBANG SALAM AL-FATONI

Syeikh Ahmad al-Fatoni, lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Ahmad Mukmawi<sup>4</sup> atau Baba Mad Tok Nahu, dilahirkan pada tahun 1957 di Kampung Mukmawi, daerah Yakrang, wilayah Pattani. Nama penuh beliau ialah Ahmad bin Haji Yusuf bin Abdul Latif Mukmawi al-Fatoni. Beliau merupakan anak ketiga dalam kalangan adik-beradik.

Pada usia 26 tahun, beliau mendirikan rumah tangga dengan Ruqaiyah binti Muhamad, yang ketika itu berusia 16 tahun. Perkahwinan ini menjadi sebahagian daripada perjalanan hidup beliau dalam meneruskan tradisi keilmuan dan dakwah.

Rajah 1: Tuan Guru Ahmad bin Yusuf



### Keluarga

Syeikh Ahmad al-Fatoni mempunyai tujuh orang anak, terdiri daripada dua lelaki dan lima perempuan. Berikut adalah nama anak-anak beliau:

1. Fatimah binti Ahmad
2. Zabidi bin Ahmad (meninggal dunia)
3. Aini binti Ahmad
4. Fakrurazi bin Ahmad (meninggal dunia)
5. Nadiyah binti Ahmad
6. Faridah binti Ahmad
7. Suhaila binti Ahmad<sup>5</sup>.

<sup>3</sup> Hamdan Abd. Rahman, 2018. Ibid.

<sup>4</sup> Mukim Mawmawi terbahagi kepada 6 kampung iaitu:

1-Kampung Ban Phong Sakho 2-Ban Dusong Paye 3-Ban Momawi 4-Ban Ton Makham 5-Ban Ko Bato 6-Ban Darussalam, <https://th.wikipedia.org/wiki>.

<sup>5</sup> Temubual bersama Ustaz Osman kampung Ponsan telah dijalankan pada tahun 2018 di Ponsan, bermula tepat pada waktu lepas asar, jam 3.40 petang mengikut waktu Thailand

## Menantunya

Sheikh Ahmad al-Fatoni memiliki seorang menantu, iaitu Abdul Rahman Bangkok, yang merupakan salah seorang murid Tuan Guru Haji Ahmad. Di samping itu, beliau juga mempunyai seorang lagi menantu bernama Abdul Hadi bin Abdullah iaitu anak kepada Sheikh Abdullah Sarah Bendar Badam.<sup>6</sup>

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Menurut Tuan Guru Haji Ahmad, beliau memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Kebangsaan Siam (โรงเรียนชั้นมัธยม) di kampung kelahirannya. Pendidikan agama beliau diterima daripada ayahnya sendiri, yang merupakan seorang ulama pada waktu itu. Beliau kemudian memperuntukkan masa selama lima belas (15) tahun untuk melanjutkan pelajarannya di pondok.

Tuan Guru Haji Ahmad pernah berguru dengan beberapa tokoh penting, termasuk Tuan Guru Abdul Rahman bin Abdullah, Almarhum Tuan Guru Haji Abdul Rahman Pondok Tebing Tinggi, Almarhum Tuan Guru Haji Idris Tokjung, Tuan Guru Haji Ahamad bin Bin Abu Bakar Bin Abdul Samad Mukmawi yang usianya 89 tahun, Tuan Guru Haji Abdullah Sarah bin Idris, dan ramai lagi. Beliau dikenali sebagai seorang murid yang cemerlang dan bijak, serta sangat disayangi oleh para gurunya.

Oleh kerana kefahaman dan keilmuan beliau yang mendalam, beliau menerima gelaran Tok Nahu sebagai pengiktirafan kepada kemahiran dan pengetahuan beliau dalam ilmu nahu. (Abdulloh Salaeh, 2019).

Rajah 2: Gambar Guru kepada Syeikh Ahmad Bin Yusuf



<sup>6</sup> Temubual bersama Ustaz Osman kampung Ponsan telah dijalankan pada tahun 2019 di Ponsan, bermula tepat pada waktu lepas asar, jam 3.40 petang mengikut waktu Thailand

## KARYA-KARYA PENULISAN

Selain daripada pengajaran, beliau juga menghasilkan dua buah kitab dalam tulisan Jawi, iaitu:

1. *Hidayatul Muta 'allim*
2. *Taudihu al-Aqaid fi Ilmi Tauhid.*

## WAFATNYA

Menurut catatan sejarah, beliau meninggal dunia pada tahun 2019 ketika berusia 63 tahun dan dikebumikan di Makmawi, Pattani.

## LATAR BELAKANG KITAB

*Hidayatul Muta 'allim* adalah sebuah kitab yang ditulis dalam huruf Jawi dan dihasilkan pada abad ke-21 Masihi. Kitab ini merupakan salah satu karya penting oleh tokoh ulama Melayu, khususnya dari Pattani dan Kampung Mukmawi, Selatan Thailand. Ditulis oleh Tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf, kitab ini membincangkan aspek adab pengajaran dan pembelajaran. Judul lengkap kitab ini adalah *Hidayah al-Muta 'allim wa 'Umdah al-Mu 'allim*.

Isi kandungan kitab ini memfokuskan kepada cara-cara menuntut ilmu serta kelebihannya. ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan telah dikumpulkan dan dirujuk daripada beberapa kitab ulama terkenal, dengan penjelasan dan pandangan penulis turut disertakan dalam kitab ini.


Menurut penulisan pada bahagian akhir kitab, penulisan kitab ini dimulakan pada 10 Muhamarram tahun 1431 Hijrah dan diselesaikan pada hari Isnin, 19 Jamadil Awal tahun 1431 Hijrah, pada pukul 2.00 petang waktu Zohor. Walaupun penulis sibuk dengan pelbagai urusan, kitab ini berjaya disempurnakan (Ahmad bin Yusuf, 2014)

Kitab ini dicetak oleh Syarikat Percetakan Matbaah bin Halabi-Fatoni yang terletak di Pattani, kira-kira 20 km dari rumah Tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf. Walau bagaimanapun, tiada maklumat mengenai tahun cetakannya secara spesifik, tetapi ia dipercayai dicetak pada tahun 2015 Masihi. Kitab ini mempunyai ketebalan 183 halaman dan berukuran 26.2 cm × 18.4 cm. Pada kulit depan dan muka surat sebelum mukadimah, terdapat doa yang tertulis seperti berikut:

عَفَرَ اللَّهُ تَعَالَى ذَنْبِهِ وَسَتَرَ عَوْيَةً وَكَشَفَ كَرُوبَهُ وَفَعَلَ كَذَلِكَ بِأَصْوَلِهِ وَفَرَوْعَهُ وَحَوَاشِيهِ وَأَحَبَابِهِ وَكُلَّ مَنْ لَهُ حَقٌّ عَلَيْهِ وَجَمِيعِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ... يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Tulisan ini di kulit buku dan di muka surat pertama sebelum mukadimah

Rajah 3: Kitab *Hidayatul Muta'lim*



Rajah 4: Bentuk kitab *Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*

Dicetak oleh Syarikat Percetakan Matbaah bin Halabi-Fathani	Lokasi Percetakan Pattani, terletak 20 km dari rumah Tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf	Tahun cetakan tidak dinyatakan secara spesifik tetapi dipercayai pada tahun 2015
Ketebalan 183 halaman	Saiz 26.2 cm × 18.4 cm	

## PENYUSUNAN KITAB

Kitab *Hidayatul Muta‘allim* ini akan dibincangkan berdasarkan empat bahagian utama iaitu bahagian pendahuluan, bahagian isi, bahagian penutup, bahagian tashih serta kata-kata aluan oleh para ulama yang pakar di Pattani.

### Contoh Perbincangan Hadis-Hadis Dalam Kitab *Hidayatul Muta‘Allim*

#### HADIS 1

اطلبوا العلم ولو بالصين فإن طلب العلم فريضة على كل مسلم إن الملائكة لتضع أحجتها لطلب العلم رضا بما يطلب. (ص3)

Bil	Riwayat	Kitab	Bab	Juzuk	Hal.	No. hadis	Status
1	Baihaqi	<i>Shu‘ab al-Iman</i>	طلب العلم	3	193	1543	Hadis masyhur tetapi Isnad dhaif
2	Sheikh al-Albani	<i>Silsilah al-Ahadiyah al-Da‘ifah wa al-Maudu‘ah</i>	416	1	600	416	Hasan
3	Isma‘il bin Muhammad Al-‘Ajluni	<i>Kashf al-Khafa’</i>	الاولى	1	138	397	Dhaif
4	Al-Khatib Al-Baghdadi	<i>Tarikh al-Baghdad</i>	ذكر من اسمه طريف	9	363	4931	Dhaif
5	Abdul Bari	<i>Jami‘ Bayan Ilmi</i>	باب قوله صلى الله عليه وسلم طلب العلم فريضة على كل مسلم	1	7-8	-	Dhaif

**HADIS 2**

إِنَّ قُلُوبَ بَنِي آدَمَ كَفَلَبِ وَاحِدٌ بَيْنَ إِصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابَعِ الرَّحْمَنِ. (ص ٩)

Bil	Riwayat	Kitab	Bab	Juzu k	Hal.	No. hadis	Status
1	Muslim	Sahih Muslim	باب تصریف الله تعالى القلوب كيف شاء	8	51	6921	Sahih
2	Ahmad bin Hanbal	Musnad Ahmad	مسند أحمد	11	130	6569	Sahih
3	al-Tabarani	Mu 'jam Al-Saghir	من اسمه ابراهيم	2	147	1530	Sahih
4	Al-Hakim	Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain	المجلد الثاني	2	288	3140	Sahih atas syarat Muslim
5	Al-Nasa'i	Sunan al-Nasa'i al-Kubra	كتاب الاستعادة	4	414	7739	Sahih
6	Ibnu Majah	Sunan Ibnu Majah	باب دعاء رسول الله صلى الله عليه وسلم	2	1260	3834	Sahih

**HADIS 3**

**العلم حياة الإسلام وعماد الإيمان، ومن علمَ علِمَ أَنَّهُ أَجْرَهُ وَمَنْ تَعَلَّمَ فَعَمِلَ عَلَمَهُ اللَّهُ مَا لَمْ يَعْلَمْ (هداية المتعلم وعمدة المعلم ص 11)**

Bil	Riwayat	Kitab	Bab	Juzuk	Hal.	No. hadis	Status
1	Al-Taysir Bi Syarh al-Jami' al-Saghir (التسير بشرح الجامع الصغير)	Abdul Ra'uf Al-Manawi.	-	Huruf al-'ain	2	303	Daif
2	Fayd al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir" (فيض القدير شرح الجامع الصغير)	Abdul Ra'uf Al-Manawi عبد الرؤوف المناوي	5711	-	4	388	Daif
3	Al-Mudawi li 'ilal al-Jami' al-Saghir wa Syarh al-Manawi" (المداوي لعل) (الجامع الصغير (وشرحـي المناوي)	Ahmad bin Muhammad bin al-Siddiq bin Ahmad أحمد بن محمد بن الصديق بن أحمد،	2345	-	4	523	Daif

**HADIS 4**

من أراد الدنيا فعليه بالعلم، ومن أراد الآخرة فعليه بالعمل (ص 16)
--

Bil	Riwayat	Kitab	Bab	Juzuk	Hal.	No. hadis	Status
1.	al-Kamil fi al-Du‘afa’ الكامل في الضعفاء	Imam Abdullah Ibn Adi	-	-	-	-	-
2.	Syarah Sahih al-Bukhari	Shamsuddin al-Safiri شمس الدين السفيري	-	-	12	30	-

**HADIS 5**

علماء أمتي كتباء بنى إسرائيل (ص 20)
-------------------------------------

Bil	Riwayat	Kitab	Bab	Juzuk	Hal.	No. hadis	Status
1.	Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas 'Amma Isytahara min al-Ahadiث 'ala Alsinat al-Nas كشف الخفاء ومزيل الإلباس عما اشتهر من الأحاديث على السنة الناس	al-'Ajluni, Isma'il bin Muhammad al-Jarahi العلجوني، إسماعيل بن محمد الجراحي	-		2	64	La Asla Lahu لا أصل له السيوطى، السخاوي
2.	Asnā al-Maṭālib fi Ahādīth Mukhtalifāt al-Marātib: أسنى المطالب في أحاديث مختلفة المراتب	Al-Hūt, Muhammad ibn Darwīsh ibn Muhammad	889		1	184	Da‘if
3.	al-Takhrij al-Saghir wa at-Tahbir al-Kabir التخريج الصغير والتحبير الكبير	Yūsuf ibn Hasan ibn Ahmad ibn Hasan ibn 'Abd al-Hādī as-Sālihī يوسف بن حسن بن أحمد بن حسن ابن عبد الهادي الصالحي	608	-	3	119	-

**HADIS 6**

إن أشد الناس عذاباً يوم القيمة عالم لم ينفعه بعلمه (صص 23)
--

Bil	Riwayat	Kitab	Bab	Juzuk	Hal.	No. hadis	Status
1	Abdullah bin Salamah	Musnad al-Shihab	إن أشد الناس	2	171	713	Da‘if
2	Al-Baihaqi	Shu‘abu al-Iman	فَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَنْبُغِي لِطَالِبِ	2	248	1778	Da‘if


			العلم أن يكون شَعْلَمْهُ				
3	Al-Tabrani	Al Mu'jam As-Saghir.	من اسمه ظاهر	1	305	507	Da'if
4	Al-Kadai	Syihabu al-Akbar	Syihabu al-Akbar	1	171	1122	Da'if
5	Ibnu 'Adi	Al-Kamil Fi Dhu'afa' Al-Rijal	من اسمه عثمان	5	155	1319	Da'if Dan berkata Imam Al-Tarmizi hadis matruk
6	Al-Suyuti	Jami' al-Ahadith	إن مشددة مع الهمزة	7	176	6063	-

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, dapatan daripada halaman 11 hingga 26 dalam kitab *Hidayatul Muta'allim* menunjukkan bahawa sumbangan tokoh-tokoh ilmuwan terdahulu semakin kurang diberikan perhatian dalam kajian dan analisis akademik. Kajian terhadap aspek biografi serta peranan mereka dalam perkembangan keilmuan Islam masih belum mendapat penelitian yang sewajarnya, meskipun mereka telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam pelbagai disiplin ilmu. Keadaan ini mencerminkan keperluan untuk memperkuuh usaha dokumentasi dan kajian terhadap warisan intelektual mereka agar manfaatnya dapat terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Selain itu, kajian ini turut meneliti sebanyak 22 hadis yang dibahaskan dalam kitab tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa daripada jumlah tersebut, 6 hadis dikategorikan sebagai sahih berdasarkan kekuatan sanad serta periwayat yang dipercayai. Sementara itu, 1 hadis dinilai sebagai hasan kerana memiliki sanad yang baik tetapi sedikit lebih rendah daripada hadis sahih dari segi kualiti periwayatannya. Kajian turut mendapati 1 hadis bersifat masyhur, iaitu hadis yang terkenal dan diriwayatkan oleh banyak perawi pada peringkat tertentu. Walau bagaimanapun, 12 hadis diklasifikasikan sebagai dhaif disebabkan kelemahan dalam sanad atau periwayatnya, di mana sebahagian besar daripada hadis ini tetap boleh diamalkan dalam konteks *fada'il al-a'mal* (keutamaan amalan) selagi tidak bertentangan dengan prinsip asas syarak. Selain itu, 1 hadis dikenal pasti mempunyai sanad yang lemah, manakala 1 hadis lagi dikelaskan sebagai la asla lahu, iaitu hadis yang tidak mempunyai asal usul yang sahih dalam mana-mana sumber hadis muktabar.

Penemuan ini menegaskan kepentingan pendekatan kritis dalam menilai kesahihan sesuatu hadis agar ia tidak disalahgunakan dalam memahami ajaran Islam. Dalam konteks akademik dan masyarakat Islam secara keseluruhan, pemahaman yang mendalam terhadap metodologi takhrij dan penilaian hadis amat diperlukan bagi memastikan sesuatu amalan berlandaskan sumber yang sahih. Selain itu, kajian terhadap sumbangan tokoh-tokoh ilmuwan terdahulu juga perlu diperkasakan agar warisan keilmuan mereka dapat terus dimanfaatkan dan dikembangkan sesuai dengan keperluan semasa.

**Rajah 5: Bilangan dan Kategori Hadis dalam *Hidayatul Muta‘allim***

## KESIMPULAN

Kajian ini menganalisis status hadis dalam kitab *Hidayatul Muta‘allim* karya Sheikh Ahmad bin Yusuf al-Fatoni. Sheikh Ahmad al-Fatoni merupakan tokoh penting dalam tradisi keilmuan Melayu, dan kitab-kitabnya wajar terus dikaji untuk memahami sumbangan beliau serta memperkuat disiplin ilmu hadis di alam Melayu. Kajian ini telah menganalisis sebanyak 22 hadis yang dibahaskan dalam kitab tersebut. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 6 hadis dikategorikan sebagai sahih berdasarkan kekuatan sanad dan kredibiliti perawinya, manakala 1 hadis dinilai sebagai hasan kerana sanadnya yang baik namun sedikit lebih rendah dari segi kekuatan berbanding hadis sahih. Satu hadis pula dikenal pasti sebagai masyhur, iaitu hadis yang terkenal dan diriwayatkan oleh ramai perawi pada satu peringkat tertentu.

Sementara itu, sebanyak 12 hadis diklasifikasikan sebagai dhaif disebabkan kelemahan dalam sanad atau perawi, namun sebahagian besarnya tetap boleh diamalkan dalam konteks fada’il al-a‘mal selagi tidak bertentangan dengan prinsip asas syarak. Selain itu, kajian turut menemukan 1 hadis yang sanadnya lemah dan 1 hadis lagi yang tidak mempunyai asal usul sahih dalam mana-mana sumber hadis muktabar. Penemuan ini memperlihatkan kepelbagaiannya status hadis dalam kitab yang dikaji, sekali gus mencerminkan keperluan analisis kritis terhadap setiap hadis. Ia juga menegaskan betapa pentingnya disiplin ilmu *mustalah al-hadith* dalam menilai kesahihan sesuatu riwayat.

## RUJUKAN

- [1] Abdullah bin Adi bin Muhamad, (1988). *Al-Kamil fi Du‘afa’ al-Rijal*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [2] Abdulloh Salaeh, Mohd Zohdi Mohd Amin, Amran Abdul Halim, Ahmad Kamel Mohamed, Nidzamuddin Zakaria, Mohd Fauzi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan, Kabiru Goje. (2019). *Method Pengajaran Tafsir: Kitab Hidayatul Muta‘allim Bagi Syeikh Haji Ahmad Bin Haji Yusof Al-Fatoni*, Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019).
- [3] A Abdulrasyid, M Salae, MA Zailani, G Darusalam. (2017). *Sejarah Dan Dakwah Institusi Pendidikan Tinggi Islam Awam (IPTA) Di Pattani Thailand Selatan*, Jurnal Wardah, Bareskrim Mabes Polri, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- [4] Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad bin Shu‘ayb bin ‘Ali al-Khurasani al-Nasa’i,(2001). *Sunan al-Nasa’i al-Kubra*, Disemak oleh: Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki, Edisi:1, Mu’assasah al-Risalah, Beirut.
- [5] Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Rabi' bin Majah Al-Qazwini. t.t. *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [6] Ahmad bin Ali Al-Khatib al-Baghdadi. t.t., *Tarikh Al- Baghdadi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [7] Ahmad bin Husin al-Baihaqi, 1410H. *Syu‘abu al-Iman*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Sulaiman bin Ahmad bin Ayub al-Tabarani. (1985). *Al-Mu’jam Al-Saghir*. Beirut: Darul Ammar.
- [8] Ahmad bin Muhammad bin al-Siddiq bin Ahmad, *Al-Manawi li-‘Ilal al-Jami‘ al-Saghir wa Syarh al-Manawi*.
- [9] Al-Ajluni, Isma'il Bin Muhammad Al-Jarahi. (1932), *Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas 'Amma Isyatahara min al-Ahadith 'ala Alsina al-Nas Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Albas 'Amma Isyatahara min al-Ahadis 'Ala Alsina al-Nas*, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- [10] Al-Hūt, Muḥammad ibn Darwīsh ibn Muḥammad. (1997). *Asnā al-Maṭālib fī Ahādīth Mukhtalifāt al-Marātib*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [11] Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi, (1954). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ila Rasulullah ﷺ*  
Disemak oleh: Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- [12] Haji Ahmad bin Yusuf. (t.t). *Kitab Hidayatul Muta‘allim*, Pattani: Matba‘ah bin Halabi Fatani.
- [13] Ibn Majah Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, (2009). *Sunan Ibn Majah*, Tahqiq: Syu‘aib al-Arna’ut, Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- [14] Muhamad Bin Salamah Bin Jakfar. (1986). *Musnad Syihab*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [15] Muhammad bin Abd Allah Abu ‘Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi. (1990). *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*, Disemak oleh: Mustafa ‘Abd al-Qadir ‘Ata, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- [16] Yusuf bin ‘Abd al-Barr. (1994). *Jami‘ Bayan al-‘Ilm wa Fadlih*. Dar Ibn al-Jawzi.
- [17] Osman Haji Abdul Aziz. (12 Disember 2018). *Sejarah Hidup dan Sumbangan Tuan Guru Ahmad bin Yusuf dalam Bidang Keilmuan*. Temubual.

- [18] Hassan, S. N. S., Nor, Z. M., Zakaria, N., & Salaeh, A. (2021). Pertanian Menurut Perspektif As-Sunnah: Tinjauan Umum Pemikiran dan Sumbangan Tokoh-Tokoh Ilmuwan Islam: Agriculture From The Sunnah Perspective: A General Overview Of Islamic Scholars' Thought And Contributions. *Journal of Hadith Studies*, 92-106.
- [19] Osman Haji Abdul Aziz. (1 Ogos 2019). *Keluarga Tuan Guru Ahmad bin Yusuf*. Temubual.
- [20] <https://th.wikipedia.org/wiki>.